

# UniKL-MIMET Pemangkin Industri MARITIM Negara

Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL-MIMET) telah ditubuhkan pada tahun 2004 dengan kerjasama MARA dan Kerajaan Australia yang diwakili oleh International Training Australia (ITA). UniKL-MIMET menawarkan beberapa program khusus industri yang bertujuan bagi melahirkan graduan yang kompeten untuk industri marin atau maritim. Program-program akademik yang ditawarkan adalah reka bentuk kapal, pembinaan kapal dan bot, kejuruteraan perkapalan, luar pantai, elektrik marin dan pengurusan maritim. Program-program ini secara unik mengintegrasikan pengajaran teori dengan aplikasi praktikal.

UniKL-MIMET bertapak di Lumut, sebuah bandar pesisir laut di Manjung, Perak, hanya terletak kira-kira 84 km dari bandaraya Ipoh dan merupakan pintu masuk ke Pulau Pangkor yang kini juga diiktiraf sebagai pulau bebas cukai. Pada satu ketika, Lumut hanya dikenali sebagai satu bandar perikanan yang terpencil, kini ini terkenal sebagai pangkalan Terntera Laut Diraja Malaysia dan tapak pembinaan kapal tentera laut terbesar di Malaysia, Boustead Naval Shipyard, Kampus UniKL-MIMET juga bersebelahan dengan kawasan perindustrian Pelabuhan Lumut yang menempatkan pelbagai syarikat maritim seperti Limbungan Kapal Grade One, Lumut Maritime Terminal dan Sapura Energy yang terlibat dalam pembinaan struktur pesisir pantai.

UniKL-MIMET komited terhadap penyediaan persekitaran pembelajaran kondusif, yang menggalakkan pembangunan kepakaran teknikal, kreativiti dan kemahiran di kalangan para pelajarinya. UniKL-MIMET bermatlamat untuk memberikan pengalaman pembelajaran, yang mewujudkan keseimbangan dalam pencapaian dan pertumbuhan para pelajar dari segi pengetahuan, kemahiran, nilai, perwatakan dan kerohanian.



Para graduan UniKL-MIMET mempunyai peluang untuk mengembangkan kerjaya mereka dalam pelbagai bidang seperti Pembinaan Bot, Pembinaan Kapal, Kimpalan dan Fabrikasi (ferus/bukan ferus), Perancangan Kapal/Projek, Seni Bina Kapal, Reka Benta Teknikal/Pelukis Teknikal, Pemrograman CAM, Penyelenggaraan Kapal, Hidraulik dan Pneumatik, Pemesinan CNC, Fabrikasi Keluli & Aluminium, Pertukangan Kayu, Kaca Gentian, Operasi Pelabuhan, Pengendalian Kargo dan lain-lain.

Pada masa ini, UniKL-MIMET menawarkan 4 diploma, 5 program ijazah sarjana muda dan 1 program ijazah sarjana seperti Seni Bina Kapal dan Pembinaan Kapal, Kejuruteraan Marin, Elektrik & Elektronik Marin, Luar Pantai (Offshore) dan Pengurusan Maritim. Program-program ini telah dibangunkan untuk melahirkan modal insan yang mahir selaras dengan keperluan syarikat-syarikat kapal dan bot serta syarikat-syarikat kejuruteraan marin di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. UniKL-MIMET juga menawarkan program-program latihan, terutamanya bagi para juruteknik bagi menaik taraf dan memperoleh pengiktirafan dan pensijilan merit. Staf pengurusan dan akademik UniKL-MIMET adalah berkelayakan dan berpengalaman luas dalam bidang masing-masing. UniKL-MIMET juga menawarkan kemudahan dan peralatan latihan yang terkini bagi memberikan pengetahuan dan kemahiran teknikal yang mencukupi kepada para pelajarinya. Pusat Ujian Ombak Pesisir Pantai juga sedang dalam pembinaan bagi membolehkan UniKL-MIMET setanding dengan universiti ternama lain dalam bidang penyelidikan.

Pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang masih mencari-cari program yang sesuai untuk dijadikan pilihan kerjaya seharusnya memilih kerjaya dalam bidang maritim. Kerjaya sebagai pelaut terutamanya menjanjikan kerjaya yang berpendapatan lumayan di samping sijil kompetensi yang diiktiraf serata dunia. Data graduan UniKL-MIMET 2019 menunjukkan seramai 93.5% graduan terus mendapat pekerjaan dalam masa 6 bulan selepas tamat pengajian.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **05-690 9000/019-522 0789** atau layari laman web kami [www.unikl.edu.my](http://www.unikl.edu.my).

Where Knowledge is Applied and Dreams Realised



### BIDANG-BIDANG PENGKHUSUSAN


- Electrical, Electronics, Medical Electronics & Telecommunication Technology
- Chemical and Bioengineering Technology
- Software Engineering, Computer System Security, Networking, Multimedia & Animation
- Mechanical, Mechatronics, Manufacturing, Applied Electronics & Automotive Management
- Quality Engineering, Instrumentation and Control Engineering, Facilities Maintenance & Industrial Logistic
- Design, Manufacturing, Engineering Business Management & Railway System
- Accounting, Entrepreneurship, Islamic Finance, International Business, Marketing & Tourism
- Medical Science Technology
- Marine Engineering & Offshore Engineering Technology
- Welding, Air Conditioning, Robotics & Automotive Maintenance
- Aviation and Aircraft Maintenance Technology
- Nursing, Pharmacy, Medical Imaging & Physiotherapy

**PENGAMBILAN JUN/JULAI/ SEPT 2020**

**BAGI PROGRAM ASASI/ DIPLOMA/ IJAZAH**

Permohonan juga dibuka untuk lepasan DKM/DLKM

Mohon sekarang: [www.unikl.edu.my](http://www.unikl.edu.my)



**Kumpulan Syarikat**

Universiti Kuala Lumpur DU011(W)

**Universiti Kuala Lumpur**

1016 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur


+603 2175 4000

Hotline: 1800 888 177

[www.unikl.edu.my](http://www.unikl.edu.my)

Universiti Kuala Lumpur - Officialpage

UniKLOfficial



PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER Press-Reader.com +1 604 278 4604 COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW